

**Wakil EU Puji Sistem Kehakiman Malaysia Susulan Keputusan Kes Anwar
Bernama
10 Januari , 2012**

SINGAPURA, 10 Jan (Bernama) -- Catherine Ashton, Wakil Kanan Dasar Luar dan Keselamatan Kesatuan Eropah (EU), memuji integriti sistem kehakiman Malaysia susulan keputusan mahkamah membebaskan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tuduhan meliwat.

Pandangan Ashton, yang juga Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, itu dimaklumkan menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan seorang jurucakap daripada ibu pejabat EU di Brussels.

Kenyataan itu berbunyi: "Wakil Kanan mengalu-alukan fakta bahawa Anwar Ibrahim kini sudah dibebaskan. Keputusan ini menunjukkan integriti sistem kehakiman Malaysia, yang menjadi tunjang penting dalam sebuah sistem demokratik. Wakil Kanan berharap perkara ini tidak dibangkitkan lagi."

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639172>